



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAEDAH IMAM AL- GHAZALI DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU
DEVIAN : KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA MENENGAH
SUNGAI SELISEK , KUALA KUBU BHARU , SELANGOR.**

MARIATUL QIBTHIAH BINTI NOOR MOHD YUSRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JABATAN PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TANJUNG MALIM,

PERAK

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KAEDAH IMAM AL-GHAZALI DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU
DEVIAN : KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA SUNGAI SELISEK
, KUALA KUBU BHARU , SELANGOR**

MARIATUL QIBTHIAH BINTI NOOR MOHD YUSRI



**PROJEK TAHUN AKHIR DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGAIAIN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)**

JABATAN PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

TANJUNG MALIM,

PERAK

2023



**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

NAMA: MARIATUL QIBTHIAH BINTI NOOR MOHD YUSRI

NO K/P: 000920080702

No.Matrik: D20192091819

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

Tajuk projek tahun akhir ini:

KAEDAH IMAM AL-GHAZALI DALAM MENANGANI TINGKAH LAKU DEVIAN : KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH SUNGAI SELISEK KUALA KUBU BHARU, SELANGOR

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa; saya adalah penulis hasil kerja ini. Hasil kerja ini adalah asli. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan hasil kerja ini kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Tandatangan calon

.....

(Mariatul Qibthiah Binti Noor Mohd Yusri)

Tandatangan penyelia

.....

(Dr.Wan Muhammad Hafizuddin Bin Wan Abd Halim)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek ilmiah ini dilaksanakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pihak Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusian, Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubungkait dengan Projek Ilmiah ini.

DISCLAIMER

This Academic Project is prepared here in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Bachelor in Education (Islamic Education) by Sultan Idris Education University. The Department of Islamic Studies, Faculty of Science Humanities, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim from the third party with regards to the production of this Academic Project.





DEDIKASI

Segala puji-pujian kehadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya kepada kita. Dengan izin dan rahmat daripadanya lahirlah sebuah projek tahun akhir hasil kerja saya sepanjang menjalani Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian.

Teristimewa buat Ayah saya Noor Mohd Yusri Bin Md.Yusof dan Ibu saya Zuharinah binti Zulkafly yang disanjungi yang sentiasa mendoakan kejayaan agar dimudahkan urusan bagi menyiapkan projek tahun akhir ini.

Selain itu, untuk adik-adik yang disayangi juga Rabiatul Adawiyah, Muhammad Amir Tholhah, Kamilatun Nisa', Muhammad Amir Ukasyah, Muhammad Amir Handzolah, Muhammad Amir Huzaifah, Saiyidah Ruqaiyah, Muhammad Amir Al-Fateh dan Muhammad Amir Mus'ab yang turut memberi dorongan dan irungan doa semasa saya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Akhir sekali, buat sahabat baik Rasyidah Syukri yang turut memberi semangat dan dorongan semasa saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Kerjasama dan sokongan yang diberikan amat saya hargai.





PENGHARGAAN

Dengan rendah diri saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia Dr. Wan Muhammad Hafizuddin Bin Wan Abd Halim di atas galakan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Seterusnya, jutaan terima kasih juga kepada pengetua Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek, Puan Hajah Zubaikah Muda yang telah memberikan kerjasama dan bantuan yang sangat baik dalam saya melaksanakan kajian di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada guru-guru yang bekerjasama menjadi responden bagi sesi temu bual berstruktur serta semua guru Sekolah Agama Menengah Sugai Selisek yang memberi layanan yang baik sepanjang saya berada di sekolah tersebut.

Di samping itu, penghargaan istimewa buat semua pensyarah Jabatan Pendidikan Islam yang sentiasa memberi dorongan dan semangat di dalam menyiapkan projek tahun akhir ini, terutama kepada penyelaras projek tahun akhir Jabatan Pendidikan Islam.

Sekian, Terima Kasih

Mariatul Qibthiah Binti Noor Mohd Yusri

D20192091819

N0.3 Taman Wangsa Permai,
Jalan Wangsa Permai 1,
35900, Tanjong Malim Perak





ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai kaedah Imam Ghazali dalam menangani tingkah laku devian di sekolah menengah. Permasalahan kajian menjurus kepada guru Pendidikan Islam adalah salah satu kedudukan yang penting di dalam organisasi sesebuah sekolah selain daripada pengetua dan guru kaunseling dalam memainkan peranan besar untuk menangani isu tingkah laku pelajar selain itu faktor daripada tingkah laku ibu bapa pelajar yang menyebabkan permasalahan ketiga di mana emosi pelajar terganggu dan bertindak devian yang mana kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti pendidikan Akhlak Imam Ghazali dan mengkaji tingkah laku devian di sebuah sekolah agama serta menganalisis keselarian di antara tindakan yang diambil oleh guru sebuah sekolah agama yang dipilih dalam menjalankan kajian bagi menangani isu tingkah laku devian di sekolah menengah dalam kalangan remaja memandangkan guru Pendidikan Islam juga merupakan pihak yang penting dalam memainkan peranan dalam membentuk remaja. Kaedah penyelidikan kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan metode perpustakaan, temu bual berstruktur dan pemerhatian berdasarkan data yang telah dikumpul melalui perpustakaan dan temu bual. Di samping itu, Kajian ini melibatkan 3 orang responden daripada Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek. Seterusnya, data diperolehi melalui kajian perpustakaan, temu bual, dan pemerhatian bagi menganalisis dapatan sepenuhnya. Hasil dapatan perpustakaan mendapati kaedah pendidikan Akhlak Imam Ghazali mempunyai tiga cara iaitu pembersihan jiwa, menghiasi diri dan pemantapan hati. Seterusnya, hasil temubual 3 orang responden dapat merungkai isu devian yang terdapat di lokasi kajian iaitu Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek adalah *vape* dan buli seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat keselarian tindakan yang diambil oleh guru Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek dan kaedah pendidikan Akhlak Imam Ghazali serta memberi implikasi kepada kajian bahawa pendidikan Akhlak yang dimainkan oleh guru Pendidikan Islam dapat memberi impak yang baik kepada pelajar devian.

Kata kunci: Devian, Tingkah Laku, Akhlak, Pendidikan Islam, Imam Ghazali





ABSTRACT

This study discusses Imam Ghazali's method in dealing with deviant behavior in high school. The problem of the study is aimed at the Islamic Education teacher is one of the important positions in the organization of a school apart from the principal and the counseling teacher in playing a big role in dealing with the issue of student behavior in addition to the factor from the behavior of the student's parents which causes the third problem where emotions students are disturbed and act deviant for which this study was carried out with the aim of identifying Imam Ghazali's moral education and studying deviant behavior in a religious school as well as analyzing the parallelism between the actions taken by the teachers of a religious school who were selected in carrying out the study to deal with behavioral issues deviant in secondary school among teenagers considering that Islamic Education teachers are also an important party in playing a role in shaping teenagers. The research method of this study is qualitative and uses the library method, structured interview and observation based on data that has been collected through the library and interviews. In addition, this study involved 3 respondents from Sungai Selisek Secondary Religious School. Subsequently, data was obtained through library research, interviews, and observations to fully analyze the findings. The results of the library found that Imam Ghazali's moral education method has three ways, which are the cleansing of the soul, , decorating yourself and strengthening the heart. Next, the interview results of 3 respondents were able to unravel the deviant issue found in the study location, which is Sungai Selisek Religious Secondary School, which is vaping and bullying. The results of the study found that there is a parallel between the actions taken by the teachers of Sungai Selisek Secondary Religious School and Imam Ghazali's moral education method. as well as giving implications to the study that moral education played by Islamic Education teachers can have a good impact on deviant students.

Keywords: Deviance, Behavior, Morality, Islamic Education, Imam Ghazali





ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
TUNTUTAN PIHAK KETIGA	v
DEDIKASI	vi
PENGHARGAAN	vii
ABSTRAK	viii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

Bab 1: Pengenalan	1
-------------------------	---

1.1 Latar Belakang	1
--------------------------	---

1.2 Pernyataan Masalah	4
------------------------------	---

1.3 Objektif Kajian	6
---------------------------	---

1.4 Kepentingan Kajian	6
------------------------------	---

1.5 Skop Kajian	7
-----------------------	---

1.6 Persoalan Kajian	7
----------------------------	---

1.7 Definisi Operasional	7
--------------------------------	---

1.7.1 Devian	7
--------------------	---

1.7.2 Norma	7
-------------------	---

1.7.3 Masyarakat	8
------------------------	---

1.7.4 Ibu Bapa	8
----------------------	---

1.7.5 Seksual	8
---------------------	---

1.8 Penutup	9
-------------------	---

Bab 2: Kajian Literatur	10
-------------------------------	----

2.1 Pengenalan	10
----------------------	----

2.2 Definisi Tingkah Laku Devian	10
--	----

2.3 Definisi Remaja	11
---------------------------	----

2.4 Faktor Tingkah Laku Devian	12
--------------------------------------	----

2.4.1 Faktor Pemantauan Ibu bapa	12
--	----





2.4.2 Faktor Komunikasi Ibu Bapa	13
2.4.3 Faktor Rakan Sebaya.....	15
2.4.4 Faktor Media Sosial.....	16
2.5 Kajian Empirikal	17
2.6 Jenis-jenis Devian	20
2.6.1 Buli	20
2.6.2 Seks Bebas dan Jenayah Seksual.....	22
2.6.3 Vape.....	23
2.7 Penutup.....	24
Bab 3: Metodologi kajian.....	25
3.1 Pendahuluan	25
3.2 Metodologi kajian	25
3.3 Reka bentuk kajian.....	25
3.4 Lokasi kajian	26
3.5 Persampelan dan Responden Kajian.....	26
3.6 Pembolehubah Operasional.....	27
3.7 Instrumen Kajian.....	27
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	29
3.9 Penganalisisan Data	29
3.10 Susunan kajian	29
3.11 Penutup.....	30
Bab 4: Dapatan Kajian	31
4.1 Pendahuluan	31
4.2 Biografi Imam Ghazali.....	31
4.3 Kaedah Pendidikan Akhlak Menurut Imam Ghazali	33
4.3.1 Pembersihan Jiwa	33
4.3.2 Menghiasi Diri.....	34
4.3.3 Pemantapan Hati.....	35
4.4 Isu Tingkah Laku Devian di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek	36





4.4.1 Tingkah Laku Devian	36
4.4.2 Tindakan Guru.....	37
4.4.3 Kaedah Pemebersihan jiwa.....	41
4.4.4 Kaedah (Pembesihan jiwa) memberi impak kepada para pelajar.....	43
4.4.5 Aktiviti Menghiasi jiwa.....	45
4.4.6 Pendidikan Imam Al-Ghazali memberi perubahan positif.....	47
4.5 Keselarian Kaedah Guru Dalam Menangani Isu Devian Dengan Kaedah Pendidikan Akhlak Yang Telah Dipelopori Oleh Imam Ghazali.	49
4.6 Penutup.....	49
Bab 5: Rumusan Kajian dan Penutup	53
5.1 Pengenalan	53
5.2 Ringkasan Kajian	53
5.3 Rumusan Dapatan	57
5.4 Implikasi dan cadangan.....	57
5.5.Penutup.....	60
BIBLIOGRAFI	61
LAMPIRAN.....	66





PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF JAWI	HURUF RUMI	HURUF JAWI	HURUF RUMI
‘ا’	a , ’ (hamzah)	ط	T
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	Gh
ج	J	ف	F
ح	H	ق	Q
خ	Kh	ك	K
د	D	ل	L
ذ	Dh	م	M
ر	R	ن	N
ز	Z	ه	H
س	S	و	W
ش	Sy	ي	Y
ص	S	ة	H
ض	D		

Vokal Pendek

a ‘_ا_’

i ‘_ي_’

u ‘_و_’

Vokal Panjang

a ‘abid

i imān

u sūrah

Diftong

و aw nawm ن ف م

ي ay wayl و ئ ل

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia 1998. Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.





SENARAI JADUAL

Jadual 1	Tingkah laku devian di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek	36
Jadual 2	Tindakan yang diambil oleh guru di dalam menangani isu tingkah laku devian di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek	37
Jadual 3	Tindakan yang diambil termasuk di dalam kaedah pembersihan jiwa.	40
Jadual 4	Kaedah pendidikan Imam Ghazali memberi impak kepada para pelajar	42
Jadual 5	Aktiviti menghiasi jiwa dalam menangani isu tingkah laku devian	44
Jadual 6	Kaedah yang diajar oleh Imam Ghazali ini dapat memberi impak yang baik kepada pelajar	46





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI KEPENDEKAN

Senarai	Keterangan
A.S	<i>:alaihissalam</i>
et al.	Dan pengarang-pengarang lain
S.A.W	<i>Salla Allahu 'alay-hi wa-sallam</i>
S.W.T	<i>Subhanahu wa ta'ala</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|--|
| Lampiran A | Soalan Temu Bual |
| Lampiran B | Borang Bppdp 2 (A) |
| Lampiran C | Surat permohonan kebenaran menjalankan kajian
penyelidikan sarjana muda di sekolah menengah
selangor |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Bab 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang

Menurut Prof Madya Dr Azizi Yahya, Badrul Zaman Baharom et.al (2010) menyatakan bahawa golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang kearah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun pada realitinya, sejak akhir-akhir ini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda remaja dan seterusnya meruntuhkan akhlak anak-anak remaja masa kini. Sama ada disedari atau tidak, perkembangan gejala-gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari. Setiap hari dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku yang dilakukan oleh remaja baik salah laku yang kecil mahu pun besar. Hal ini turut menggambarkan betapa seriusnya fenomena ini dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendungnya dari terus menjadi barah dalam masyarakat Malaysia. Masyarakat hari ini dilanda kebingungan dengan fenomena keruntuhan akhlak di kalangan remaja.

Selain itu, beliau juga turut menyatakan kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat khususnya di kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda. Pelbagai tafsiran dan label yang boleh diberikan kepada remaja-remaja yang bertingkah laku sedemikian dan bagi yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini merujuk kepada mereka yang masih bersekolah atau remaja bawah umur, mereka dikenali sebagai delinkuen.





Sementara itu, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Pada masa yang sama, menurut Buerah Tunggak, Shanah Ngadi et.al (2015) *delinkuen* dalam kalangan pelajar merupakan antara satu isu yang sering mendapat perhatian semua golongan. Masalah ini bukan sahaja berlaku di negara Malaysia, malahan keadaan ini juga berlaku di seluruh dunia sama ada di negara maju, membangun maupun mundur. *Delinkuen* dicirikan oleh perlakuan melanggar peraturan-peraturan sekolah, norma-norma masyarakat yang mencerminkan kemerosotan akhlak remaja. Oleh yang demikian, akhlak merupakan perkara penting yang akan menentukan corak dan penampilan individu dalam semua aspek kehidupannya. Penampilan gaya hidup yang sihat dan sejahtera akan terhasil daripada ketinggian akhlak dan keperibadian seseorang Insan.

Seterusnya, beliau juga turut menegaskan perkara tersebut ada ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W di dalam sebuah hadis:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وِيدِهِ

Maksudnya: “Seseorang Muslim itu ialah apabila beliau melakukan sesuatu perkara maka selamat dan sejahtera saudara-saudara Islamnya yang lain daripada lidah dan kedua tangannya.”

Seterusnya, menurut beliau juga elemen penting ini merupakan perkara yang seharusnya diberikan perhatian utama. Oleh itu, dalam membincangkan isu ini, semua golongan peringkat terlibat. Antara golongan yang terlibat adalah para remaja yang rata-ratanya ialah pelajar sekolah. Golongan ini merupakan golongan yang amat penting sebagai aset negara yang amat berharga.





Sementara itu, menurut Syah Rizal, Hamdi Ishak & Najah Nadiah Amran (2017) dalam kajiannya yang bertajuk “Hubungan antara Amalan Ibu Bapa dengan Tingkah Tingkah Laku Remaja” adalah remaja adalah satu fasa yang sangat bermakna bagi setiap individu. Ia adalah satu peringkat perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang kerana ia merupakan fasa peralihan daripada alam kanak-kanak menuju alam dewasa. Peralihan ini telah menghantarkan remaja pada perubahan pelbagai emosi dan fizikal meuntut kawalan daripada ibu bapa. Selain itu, kajian lepas tersebut juga menyatakan bahawa tingkah laku ibu bapa ini sangat penting untuk dikaji bagi mengenal pasti tahap tingkah laku remaja. Hal ini adalah kerana ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk membina dan mencorakkan individu agar berakhhlak mulia dan seterusnya menjadi ahli masyarakat yang dapat memberi manfaat kepada agama dan bangsa.

Seterusnya, perkara ini menunjukkan bahawa remaja adalah hasil daripada ibu bapa yang mencorakkan tingkah laku mereka. Hal ini jelas memberitahu bahawa faktor daripada tingkah laku ibu bapa adalah cerminan kepada tingkah laku seseorang remaja serta membuktikan komunikasi adalah penting diantara ibu bapa dan anak dalam kalangan remaja agar anak-anak dalam kalangan remaja jauh dari tekanan emosi yang boleh membawa kepada isu tingkah laku devian yang akan merosakkan negara kerana tingkah laku yang menyalahi norma masyarakat.

Pada masa yang sama, ianya jelas menunjukkan bahawa tingkah laku seseorang remaja pada masa kini adalah merupakan masa depan sesebuah negara. Maka, jelaslah bahawa tingkah laku yang menyalahi norma masyarakat perlulah diatasi dengan baik.





1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Zaharah Hussin (2005) di dalam kajiannya bertajuk “Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam”, menyatakan bahawa matlamat melahirkan generasi berakhhlak mulia menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah bertepatan dengan seruan Rasulullah S.A.W. Hasrat ini akan menjadi luntur jika pelaksanaannya tidak diperkuuhkan, oleh itu bagi merealisasikan pembentukan generasi berakhhlak mulia, para guru Pendidikan Islam wajar menerima amanah tersebut dengan rasa rela selain menghayati peranan sebenar seorang pendidik seperti yang dikehendaki oleh Allah dan Rasulnya. Penghayatan dan pengamalan peranan tersebut diharapkan dapat membantu para guru Pendidikan Islam dalam mendidik akhlak pelajar di samping memartabatkan profesion keguruan mereka di mata masyarakat.

Maka, jelaslah permasalahan pertama bagi melaksanakan kajian ini adalah guru Pendidikan Islam adalah salah satu kedudukan yang penting di dalam organisasi sesebuah sekolah selain daripada pengetua yang menjadi ketua sekolah dan guru kaunseling yang turut memainkan peranan penting di dalam isu tingkah laku yang tidak baik di kalangan remaja di sekolah terutamanya isu tingkah laku devian. Malah perkara ini turut perlu dimainkan peranan oleh guru Pendidikan Islam dalam membentuk remaja atau pelajar yang mempunyai isu sahsiah seperti buli dan masalah seksual kearah yang lebih baik sebagai contoh guru Pendidikan Islam membentuk keperibadian pelajar tersebut dengan menerapkan pendidikan akhlak di dalam diri mereka.

Seterusnya, secara keseluruhan kajian Prof Madya Dr Azizi Yahya, Badrulzaman Baharom (2010) merumuskan bahawa sebahagian besar pelajar mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku devian. Namun yang demikian hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang terlibat dengan tingkah laku devian yang serius yang mana majoritinya hanya terlibat dengan tingkah laku devian yang kurang serius seperti melanggar peraturan sekolah, bercakap bohong, sering tidak menyiapkan kerja sekolah, sering datang lewat ke sekolah dan sebagainya serta hasil kajian juga menunjukkan hanya faktor tingkah laku keluarga sahaja yang mempunyai





signifikan dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja daerah kajian dilaksanakan.

Selain itu, faktor tingkah laku daripada ibu bapa juga adalah akibat terjadinya tigkah laku devian di kalangan remaja sekolah menengah ini perlu ditangani dengan penerapan akhlak yang kuat semasa di sekolah agar setiap individu remaja itu sendiri dapat membezakan perkara yang positif dan negatif dengan baik tanpa mengikut budaya orang rapat di sekeliling semata-mata.

Akhir sekali, permasalahan kajian yang dapat dilihat adalah emosi remaja terganggu. Maka, isu tingkah laku devian ini amatlah berbahaya kepada remaja di sekolah menengah. Tambahan lagi ianya dapat dibuktikan melalui astro Awani, 2019 yang mana terdapat berita mengenai remaja membunuh diri selepas mendapat 69 peratus undian Instagram yang menyokong hasratnya untuk mati. Sementara itu, perkara ini juga dapat dibuktikan melalui Berita Harian, 6 Februari 2020 seorang pelajar yang berumur 16 tahun membunuh diri dan ditemui tergantung di bilik akibat tekanan di sekolah. Maka, jelas bahawa emosi remaja terganggu juga adalah salah satu permasalahan di dalam isu tingkah laku devian di kalangan remaja sekolah menengah.

Kesimpulannya, terdapat tiga pernyataan masalah yang pertama adalah peranan guru pendidikan Islam selain guru kaunseling dalam menangani tingkah laku devian di kalangan pelajar, kedua, faktor tingkah laku ibu bapa seperti komunikasi dan akhir sekali adalah permasalahan yang datang daripada emosi remaja yang terganggu.





1.3 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti kaedah pendidikan akhlak yang dipelopori oleh Imam Ghazali.
2. Mengkaji isu tingkah laku devian di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek.
3. Menganalisis keselarian kaedah guru Sekolah Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek dalam menangani isu tingkah laku devian dengan kaedah pendidikan akhlak yang telah dipelopori oleh Imam Ghazali.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana keselarian kaedah pendidikan Imam Ghazali dengan cara yang diambil oleh guru Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek dalam menangani isu tingkah laku devian yang terdapat di terdapat di kalangan pelajar di sekolah. Kajian ini juga dilaksanakan memandangkan banyak kepentingan yang didapati hasil daripada penemuannya antaranya:

1. Kepentingan kajian kepada pihak universiti adalah dapat membantu pengkaji selepas ini dalam melaksanakan kajian lebih mendalam mengenai isu tingkah laku devian di kalangan remaja sekolah.
2. Kepentingan kajian kepada Jabatan Pengajian Islam adalah dapat mengamalkan kaedah yang dipelopori oleh Imam Ghazali dalam membentuk tingkah laku devian di kalangan remaja sekolah di masa yang akan datang.
3. Kepentingan kajian kepada masyarakat adalah dapat membuka mata atau dapat menyedarkan masyarakat kepentingan dalam berinteraksi dengan remaja agar tidak menimbulkan tingkah laku devian di kalangan remaja atas ketidakprihatinan terhadap remaja.





1.5 Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah meletakkan beberapa batasan kajian:

1. Kajian ini terbatas untuk Guru Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek.
2. Kajian ini terbatas kepada tingkah laku devian yang terdapat di Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek
3. Kajian ini terbatas kepada cara menangani atau cara mengatasi yang diambil oleh pihak guru Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek untuk melihat sama ada cara menangani masalah tersebut mengikut Pendidikan Akhlak yang dipelopori Imam Ghazali atau tidak.

1.6 Persoalan Kajian

1. Adakah Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek menggunakan kaedah Pendidikan Akhlak yang dipelopori Imam Ghazali dalam menangani isu tingkah laku devian pelajar di sekolah?
2. Adakah Pendidikan Akhlak Imam Ghazali memberi kesan yang baik dalam sistem pendidikan masa kini?

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Devian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, devian adalah seseorang yang perangainya menyimpang daripada normal dan seks seseorang yang menunjukkan seks luar biasa.

1.7.2 Norma

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, norma adalah ukuran untuk menentukan sesuatu dan peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat dan sebagainya.





1.7.3 Masyarakat

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu, pergaulan hidup, menjadi guru adalah sebaik-baik pekerjaan disisi, kampung golongan manusia yang tinggal di kampung, kota golongan manusia yang tinggal di kota, majmuk masyarakat yang terdiri daripada beberapa bangsa, kumpulan etnik atau suku bangsa dan sebagainya. Ramai orang (khalayak) ramai serta keseluruhan hubungan sosial antara kumpulan haiwan.

1.7.4 Ibu Bapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ibu bapa adalah orang tua yakni emak dan ayah, keibubapaan (sifat, hal dan sebagainya) yang berkaitan dengan ibu bapa dengan adanya ilmu ini mereka tidak akan meraba-raba dalam kesamaran.



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, seksual adalah bukan seks dan bukan persetubuhan antara lelaki dan perempuan keseksualan ciri (sifat) atau peranan seks dorongan seks.





1.8 Penutup

Isu tingkah laku devian di kalangan remaja membimbangkan dan memerlukan penyelesaian untuk menangani isu ini. Maka kajian ini akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai tingkah laku devian dan pendidikan akhlak yang dipelopori oleh Imam Ghazali serta menganalisis keselarian yang terdapat di lokasi kajian di dalam menangani isu tingkah laku devian ini dengan Pendidikan Akhlak Imam Ghazali.

Selain itu, antara isu yang akan dibincangkan adalah mengenai faktor-faktor terjadinya devian dan cara yang ditangani oleh Sekolah Agama Menengah Sungai Selisek dalam menangani isu tersebut dan menganalisis adakah tindakan yang diambil selari dengan pendidikan Akhlak yang dipelopori oleh Imam Ghazali.

Akhir sekali, setiap persoalan akan dikupas dari bab ke bab dan ianya akan menghasilkan satu jawapan yang akan membuka mata masyarakat agar dapat menangani isu devian di kalangan pelajar atau remaja ini bersama-sama iaitu bukan sahaja pihak sekolah atau guru bahkan ianya juga dapat dibantu oleh masyarakat Malaysia. Tambahan lagi, ianya merupakan satu kebaikan kepada bangsa, Negara dan masyarakat Malaysia khususnya. Hal ini adalah kerana remaja adalah aset kepada Negara yang akan membentuk negara di masa yang akan datang,

Kesimpulannya, kajian ini akan mengupas dengan lanjut mengenai kaedah pendidikan akhlak yang dipelopori Imam Ghazali bagi menangani isu tingkah laku devian di kalangan remaja.

